

DATE : 26 October 2012  
PUBLICATION : myMetro  
SECTION : -  
HEADLINE : PHB kembang saiz dana kepada RM1.5 bilion



myMetro □ Bisnes

## PHB kembang saiz dana kepada RM1.5 bilion

   A+ A- 

PELABURAN Hartanah Bhd (PHB) mengumumkan peningkatan saiz dana AHB daripada 500 juta unit bersamaan nilai RM500 juta kepada 1.5 bilion unit bersamaan dengan RM1.5 bilion yang boleh dilanggani bermula 24 Oktober ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Kamalul Arifin Othman berkata, selain penambahan saiz dana berkenaan, pihaknya juga menambah kadar penyertaan pelaburan maksimum kepada RM400,000 yang mana sebelum ini RM200,000 bagi membolehkan pelabur menambah pelaburan dan pulangan dari dana terbabit berserta penyertaan minimum kekal pada RM500.

Katanya, PHB juga telah memeterai satu kerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membolehkan golongan Bumiputera melabur dalam dana AHB simpanan dalam akaun satu KWSP mereka di cawangan Maybank di seluruh negara.

"Pelabur yang berminat dinasihat untuk membaca dan memahami isi kandungan prospektus AHB bertarikh 24 Oktober 2012 yang telah didaftarkan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Prospektus ini boleh didapati semua cawangan Maybank di seluruh negara.

"Untuk menjamin pengagihan pendapatan yang kukuh, PHB mempelbagaikan portfolio pelaburannya dengan menyertai sektor pembangunan harta tanah di lokasi utama dan agresif membangunkan projek berkelas A," katanya pada majlis pengumuman pengagihan pendapatan dana AHB bagi 2012, kelmarin.

Pada majlis itu, Maybank Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM) dan PHB mengumumkan pengagihan pendapatan dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebanyak 3.25 sen, berjumlah RM31 juta kepada semua pemegang unit AHB bagi 2012.

Pembayaran pendapatan dana itu akan dikreditkan secara langsung ke dalam akaun bank pemegang unit mulai kelmarin. Tambahan, pembayaran berkenaan telah dizakatkan dan tidak dikenakan cukai.

*Artikel ini disiarkan pada : 2012/10/26*